

PENGURUSAN IDENTITI BANGSA DALAM TRILOGI KARYA HAMKA

FATHIN NOOR AIN BINTI RAMLI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2022

PENGURUSAN IDENTITI BANGSA DALAM TRILOGI KARYA HAMKA

FATHIN NOOR AIN BINTI RAMLI

TESIS DIKEMUKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



PENGHARGAAN

Subhanallah

Alhamdulillah

Allahu Akbar

La ilaha illallah

Allahumma Solli 'Ala Muhammadin Wa 'Ala Aali Muhammad

Bismillahirrahmanirrahim, syukur ke hadrat Allah swt kerana pada akhirnya penulisan tesis ini telah sempurna dilakukan. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada penyelia utama iaitu Profesor Dr Azhar Haji Wahid di atas segala nasihat, bimbingan, bantuan, tunjuk ajar dan motivasi yang tidak berbelah bahagi sepanjang proses kajian dan penulisan tesis dilakukan. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada penyelia bersama Profesor Dr Abdul Halim Ali yang telah banyak membantu dan memberikan bimbingan sepanjang tempoh pengajian dan kajian dijalankan. Semoga segala jasa, ilmu dan kebaikan yang dicurahkan oleh kedua-dua penyelia yang dihormati akan dibalas oleh Allah SWT.

Ucapan penghargaan juga buat kedua ayahanda dan bonda tercinta, Encik Ramli Bin Dollah dan Puan Shamsiah Binti Che Man atas titipan doa, sokongan moral dan kasih sayang yang tidak berbelah bahagi sehingga ke saat ini. Tidak dilupakan buat ahli keluarga yang lain Faiz Muhaimi, Noor Ashikin Mohamed, Faiznur Izian, Fathin Noor Daiani dan Faiq Nadheem Aqeel atas segala sokongan sepanjang tempoh pengajian.

Juga tidak dilupakan kepada sahabat karib, pensyarah-pensyarah FBK, warga fakulti, IPS dan rakan-rakan pascasiswazah yang membantu melancarkan segala proses sepanjang tempoh pengajian. Jasa kalian amatlah saya hargai. Didoakan semoga semuanya beroleh keredhaan, keberkatan dan kerahmatan daripada Allah SWT serta kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat.

Sesungguhnya, segala hasil penulisan tesis ini adalah begitu bermakna buat saya dalam menjadikan kita semua sebagai hambaNya yang terbaik dan sebagai legasi yang berguna untuk agama, bangsa dan negara.

Sekian, terima kasih.

Fathin Noor Ain Ramli
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim
Perak Darul Ridzuan.





ABSTRAK

Kajian ini berasaskan kepada tiga objektif, pertama mengenal pasti prinsip yang terdapat dalam pengurusan identiti bangsa, kedua menganalisis pengurusan identiti bangsa Melayu berdasarkan 14 Prinsip Pengurusan Henry Fayol dan ketiga, merumuskan kesesuaian Teori Teksdealisme untuk menganalisis pengurusan identiti bangsa dalam trilogi novel Hamka iaitu *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck (TKVDW)*, *Merantau Ke Deli (MKD)* dan *Di Bawah Lindungan Ka'bah (DBLK)*. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. 14 Prinsip Pengurusan Henry Fayol telah diaplikasikan sepenuhnya bagi melihat pengurusan identiti bangsa yang terdapat di dalam trilogi novel Hamka. Selain itu, Teori Teksdealisme turut diaplikasikan dalam melihat kesesuaiannya bagi penelitian pengurusan identiti. Empat elemen yang dikenal pasti memainkan peranan dominan dalam pembentukan identiti bangsa Melayu iaitu budaya, imej, bahasa dan agama menjadi komponen utama yang dilihat dalam aspek pengurusan identiti bagi kajian ini. Penerapan disiplin pengurusan telah berjaya dikesan dalam ketiga-tiga buah novel iaitu di plot permulaan bagi novel *TKVDW* dan *MKD* sementara novel *DBLK* hanyalah terserlah di plot perumitan. Disiplin pengurusan telah membantu pengukuhan kepada empat elemen pembinaan identiti bangsa Melayu melalui enam prinsip janaan Henry Fayol; autoriti, disiplin, uniti perintah, utamakan kepentingan organisasi, rangkaian skala dan semangat kekitaan. Relevansi Teksdealisme dalam mempengaruhi corak penghasilan jalan cerita sesebuah karya terutamanya novel adalah kerana karya yang terhasil merupakan cerminan sebenar identiti bangsa Melayu sebagaimana cuba diketengahkan oleh Hamka dan adalah wajar penelitian terhadap sesebuah karya sastera tidak dipisahkan daripada seseorang pengarang. Kesimpulannya, pengurusan identiti merupakan proses penyusunan secara teratur yang menerapkan perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan pengawalan dengan memberi penekanan terhadap empat elemen pengurusan identiti iaitu budaya, imej, bahasa dan agama yang menyumbang kepada pembinaan dan pengukuhan identiti. Implikasi daripada kajian ini diharapkan menjadi panduan asas dalam memahami dan menyelongkar identiti bangsa Melayu serta membuka ruang lingkup baru dalam dunia kritikan sastera tanah air melalui disiplin pengurusan.



MANAGEMENT OF NATION IDENTITY IN TRILOGY BY HAMKA

ABSTRACT

This study is based on three objectives namely identifying the principles found in nation identity management, analysing Malay identity management based on the 14 Henry Fayol Management Principles and summarising the suitability of Textualism Theory in analysing nation identity management in Hamka's novel trilogy which are *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck (TKVDW)*, *Merantau Ke Deli (MKD)* and *Di Bawah Lindungan Ka'bah (DBLK)*. This study is a qualitative study that uses the methods of literature and text analysis. The 14 Henry Fayol Principles of Management have been fully applied to look at the management of nation identity in the Hamka's novel trilogy. In addition, the Textualism Theory has also been applied to see its suitability in identity management research. Four elements that have been identified as dominant roles in the formation of Malay identity are culture, image, language and religion. These main components are seen in the aspects of identity management for this study. The use of management discipline has been found in all three novels, especially in the beginning plots of *TKVDW* and *MKD*, but in *DBLK* it only stands out in the plot of climax. Management has helped to strengthen the four elements in constructing the Malay identity through the six principles generated by Henry Fayol; authority, discipline, unit of order, prioritisation of organisational interests, chain of scale and sense of belonging. The relevance of Textualism in influencing the pattern of work especially in novel is because the piece that has been created is a true reflection of the Malay identity as highlighted by Hamka. Moreover, research on a literary work should not be separated from the author's identity. In conclusion, identity management is an orderly process that applies planning, organizing, leadership and controlling in order to form a superior individual, society and nation by emphasising the management aspects of four elements that contribute to the construction and strengthening of identity such as culture, image, language and religion. This study is expected to be a basic guide to understand and explore the identity of the Malay nation as well as cultivating a new scope of literary criticism in the country through management discipline.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	7
1.3 Permasalahan Kajian	15
1.4 Objektif Kajian	22
1.5 Soalan Kajian	22
1.6 Kepentingan Kajian	23
1.7 Skop dan Batasan Kajian	26
1.8 Kerangka Teoritik Kajian	27
1.9 Definisi Operasional	34



1.9.1	Pengurusan	34
1.9.2	Identiti	38
1.9.3	Bangsa	43
1.10	Kesimpulan	45

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	47
2.2	Kajian Berkaitan Identiti Bangsa	48
2.3	Kajian Berkaitan Hamka dan Hasil Karya	60
2.3.1	Kajian Berkaitan Hamka dan Hasil Karya (Dalam Negara)	60
2.3.2	Kajian Berkaitan Hamka dan Hasil Karya (Luar Negara)	67
2.4	Kajian Berkaitan 14 Prinsip Pengurusan Henry Fayol	71
2.5	Kajian Berkaitan Teori Teksdealisme	76
2.6	Kesimpulan	85

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	87
3.2	Reka Bentuk Kajian	88
3.3	Prosedur Pengumpulan Data	91
3.2.1	Kaedah Kepustakaan	91
3.2.2	Kaedah Analisis Kandungan Teks	91
3.4	Prosedur Menganalisis Data	92
3.5	Teori Kajian	96
3.5.1	14 Prinsip Pengurusan Janaan Henry Fayol	96
3.5.2	Teori Teksdealisme	104
3.5.2.1	Prinsip Kehadiran dalam Teskdealisme	106

3.5.2.2	Prinsip Pelanggaran dalam Teksdealisme	107
3.5.2.3	Prinsip Pengukuhan dalam Teksdealisme	109
3.5.2.4	Individualisme dalam Teksdealisme	110
3.6	Gabungan Disiplin Pengurusan, 14 Prinsip Pengurusan Henry Fayol dan Teksdealisme dalam Penelitian Identiti Bangsa	112
3.7	Kesimpulan	115

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	117
4.2	Penerapan Prinsip-Prinsip Pengurusan dalam Karya	118
4.2.1	Perancangan dalam Novel <i>TKVDW</i> , <i>MKD</i> dan <i>DBLK</i>	118
4.2.2	Pengorganisasian dalam Novel <i>TKVDW</i> , <i>MKD</i> dan <i>DBLK</i>	137
4.2.3	Kepimpinan dalam Novel <i>TKVDW</i> , <i>MKD</i> dan <i>DBLK</i>	154
4.2.4	Kawalan dalam Novel <i>TKVDW</i> , <i>MKD</i> dan <i>DBLK</i>	183
4.3	Pengurusan Elemen-elemen yang Membina Identiti Bangsa Melayu	201
4.3.1	Elemen Budaya dalam Menyumbang Pembentukan Identiti Bangsa Melayu	203
4.3.1.1	Pengukuhan Pengurusan Budaya dalam Novel <i>TKVDW</i> , <i>MKD</i> dan <i>DBLK</i> Melalui Prinsip Autoriti	205
4.3.1.2	Pengukuhan Pengurusan Budaya dalam Novel <i>TKVDW</i> , <i>MKD</i> dan <i>DBLK</i> Melalui Prinsip Unit Perintah	219
4.3.1.3	Pengukuhan Pengurusan Budaya dalam Novel <i>TKVDW</i> , <i>MKD</i> dan <i>DBLK</i> Melalui Prinsip Utamakan Kepentingan Organisasi	232

4.3.1.4	Pengukuhan Pengurusan Budaya dalam Novel <i>TKVDW, MKD</i> dan <i>DBLK</i> Melalui Prinsip Rantaian Skala	246
4.3.1.5	Pengukuhan Pengurusan Budaya dalam Novel <i>TKVDW, MKD</i> dan <i>DBLK</i> Melalui Prinsip Semangat Kekitaan	261
4.3.2	Elemen Imej dalam Menyumbang Pembentukan Identiti Bangsa Melayu	278
4.3.2.1	Prinsip Disiplin dalam Mengukuhkan Imej Melayu Transisi dan Imej Melayu Tradisi	296
4.3.2.2	Prinsip Utamakan Kepentingan Organisasi dalam Mengukuhkan Imej Melayu Transisi dan Imej Melayu Tradisi	308
4.3.2.3	Prinsip Rantaian Skala dalam Mengukuhkan Imej Transisi dan Imej Melayu Tradisi	317
4.3.2.4	Prinsip Semangat Kekitaan dalam Mengukuhkan Imej Melayu Transisi dan Imej Melayu Tradisi	326
4.3.3	Elemen Bahasa dalam Menyumbang Pembentukan Identiti Bangsa Melayu	335
4.3.3.1	Prinsip Disiplin dalam Pengukuhan Bahasa Bagi Novel <i>TKVDW, MKD</i> dan <i>DBLK</i>	342
4.3.3.2	Prinsip Rantaian Skala dalam Pengukuhan Bahasa Bagi Novel <i>TKVDW, MKD</i> dan <i>DBLK</i>	353
4.3.4	Prinsip Pengurusan Henry Fayol yang Menyumbang dalam Pengukuhan Agama	362
4.3.4.1	Prinsip Disiplin dalam Pengukuhan Agama Bagi Novel <i>TKVDW, MKD</i> dan <i>DBLK</i>	365
4.3.4.2	Prinsip Semangat Kekitaan dalam Pengukuhan Agama Bagi Novel <i>TKVDW, MKD</i> dan <i>DBLK</i>	372

4.4	Prinsip-prinsip Teksidealisme Membentuk Identiti Bangsa dalam Sesebuah Karya	383
4.4.1	Kehadiran Mengangkat Keunggulan Novel <i>TKVDW</i> , <i>MKD</i> , <i>DBLK</i> dan Hamka	384
4.4.1.1	Fakta-fakta dan Sumber Kehadiran Bagi Novel <i>TKVDW</i> , <i>MKD</i> dan <i>DBLK</i>	385
4.4.1.2	Elemen Kehadiran Bagi Novel <i>TKVDW</i> , <i>MKD</i> dan <i>DBLK</i>	407
4.4.1.3	Implikasi Kehadiran Fakta Terhadap Novel <i>TKVDW</i> , <i>MKD</i> dan <i>DBLK</i>	430
4.4.2	Pelanggaran Membantu Mempertingkatkan Gaya Penceritaan dan Kepengarangan Hamka	436
4.4.2.1	Pengekalan dan Perubahan yang Dilakukan oleh Hamka	437
4.4.2.2	Pendekatan Pelanggaran yang Digunakan oleh Hamka	447
4.4.2.3	Fungsi dan Kesan Pelanggaran Terhadap Penghasilan Karya-karya Hamka	449
4.4.3	Penguhan Meningkatkan Mutu Hasil Karya Hamka	452
4.4.3.1	Penguhan yang Dilakukan oleh Hamka	453
4.4.3.2	Proses Penguhan yang Dilakukan oleh Hamka	457
4.4.3.3	Fungsi dan Kedan Penguhan yang Dilakukan Terhadap Karya-karya Hamka	464
4.4.4	Individualisme Menyerlahkan Identiti Hamka	467

4.4.4.1 Stail Individu Hamka	469
4.4.4.2 Rekacipta Individu Hamka	475
4.4.4.3 Kedirian Individu Hamka	481
4.4.4.4 Tindakan Individu Hamka	487
4.5 Kesimpulan	493
BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN & CADANGAN	
5.1 Pengenalan	496
5.2 Perbincangan	497
5.2.1 Implikasi Kajian	515
5.3 Kesimpulan	520
5.4 Cadangan	526
RUJUKAN	528
LAMPIRAN	540



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	14 Prinsip Pengurusan Henry Fayol	29
3.1	Novel dan Watak Utama Pilihan	93
3.2	14 Prinsip Pengurusan Henry Fayol	97
4.1	Proses Pengorganisasian Bagi Novel <i>TKVDW</i> , <i>MKD</i> dan <i>DBLK</i>	153
4.2	Prinsip-prinsip Asas Pengorganisasian Bagi Novel <i>TKVDW</i> , <i>MKD</i> dan <i>DBLK</i>	154
4.3	Pendekatan Sifat Kepimpinan yang Diterapkan dalam Watak	182
4.4	Senarai Semak Elemen Budaya Berdasarkan 14 Prinsip Pengurusan Henry Fayol	203
4.5	Senarai Semak Imej Melayu yang dimiliki oleh Watak Zainuddin, Poniem dan Hamid	280
4.6	Senarai Semak Elemen Imej Berdasarkan 14 Prinsip Pengurusan Henry Fayol	294
4.7	Klasifikasi Perbendaharaan Kata Berunsur Keagamaan dalam <i>TKVDW</i> , <i>MKD</i> dan <i>DBLK</i>	338
4.8	Klasifikasi Perbendaharaan Kata Berunsur Adat Resam dalam <i>TKVDW</i> , <i>MKD</i> dan <i>DBLK</i>	338
4.9	Klasifikasi Perbendaharaan Kata Berunsur Kepercayaan dalam <i>TKVDW</i> , <i>MKD</i> dan <i>DBLK</i>	338
4.10	Klasifikasi Perbendaharaan Kata Berunsur Aktiviti Sosial dalam <i>TKVDW</i> , <i>MKD</i> dan <i>DBLK</i>	339
4.11	Senarai Semak Elemen Bahasa Berdasarkan 14 Prinsip Pengurusan Henry Fayol	340



4.12	Senarai Semak Elemen Agama Berdasarkan 14 Prinsip Pengurusan Henry Fayol	363
4.13	Tiga Persoalan dalam Menilai Prinsip Kehadiran	385
4.14	Kriteria Ukuran Prinsip Pelanggaran Bagi Trilogi Novel Hamka	436
4.15	Proses Pengukuhan oleh Hamka dalam Novel <i>TKVDW</i> , <i>MKD</i> dan <i>DBLK</i>	452
4.16	Individualisme Hamka dalam Novel <i>TKVDW</i> , <i>MKD</i> dan <i>DBLK</i>	468



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Proses Mengurus Sesebuah Organisasi	3
1.2	Kerangka Teoritikal Kajian Pengurusan Identiti Bangsa dalam Trilogi Karya Hamka	28
3.1	Reka Bentuk Kajian	90
3.2	Prosedur Menganalisis Data	95
3.3	Aktiviti-aktiviti Pengurusan oleh Henry Fayol	103
3.4	Prinsip-prinsip Teori Teksdealisme	106
3.5	Gabungan Disiplin Pengurusan, 14 Prinsip Pengurusan Henry Fayol dan Teksdealisme	115
4.1	Prinsip Perancangan yang Dikesan dalam Novel <i>TVDW</i>	120
4.2	Prinsip Perancangan yang Dikesan dalam Novel <i>MKD</i>	127
4.3	Prinsip Perancangan yang Dikesan dalam Novel <i>DBLK</i>	134
4.4	Prinsip Pengorganisasian yang Dikesan dalam Novel <i>TVDW</i>	139
4.5	Prinsip Pengorganisasian yang Dikesan dalam Novel <i>MKD</i>	144
4.6	Prinsip Pengorganisasian yang Dikesan dalam Novel <i>DBLK</i>	149
4.7	Prinsip Kepimpinan yang Dikesan dalam Novel <i>TVDW</i>	157
4.8	Prinsip Kepimpinan yang Dikesan dalam Novel <i>MKD</i>	169
4.9	Prinsip Kepimpinan yang Dikesan dalam Novel <i>DBLK</i>	179
4.10	Prinsip Kawalan yang Dikesan dalam Novel <i>TVDW</i>	185
4.11	Prinsip Pengawalan yang Dikesan dalam Novel <i>MKD</i>	189





4.12	Prinsip Pengawalan yang Dikesan dalam Novel <i>DBLK</i>	195
5.1	Cadangan Model Pengurusan Identiti Bangsa Melayu Berasaskan 14 Prinsip Henry Fayol	524



SENARAI SINGKATAN

DBLK	Di Bawah Lindungan Ka'bah
HAMKA	Haji Abdul Malik bin Dr. Syekh Haji Abdul Karim Amrullah
HIS	Hollands Inslande School
MKD	Merantau Ke Deli
MULO	Meer Uitgebreid Lager Onderwijs
RMK 11	Rancangan Malaysia Ke Sebelas
RMK 12	Rancangan Malaysia Ke Dua Belas
TKVDW	Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck

SENARAI LAMPIRAN

- A Novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck
- B Novel Merantau Ke Deli
- C Novel Di Bawah Lindungan Ka'bah

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan


Pengurusan merupakan aspek yang penting bagi sesebuah organisasi tidak kira ianya merupakan organisasi yang terbentuk bagi mencapai sesuatu objektif, misi ataupun visi mahupun juga organisasi sesebuah anggota masyarakat. Ianya penting bagi memastikan segala gerak kerja, pembentukan serta pelaksanaan sesebuah rancangan, struktur organisasi yang terbentuk adalah berada pada landasan sepatutnya sebagaimana yang diinginkan. Pengurusan juga dapat memastikan dan memperlihatkan susun atur sesuatu perkara atau tindakan yang dirancang dan dibentuk adalah secara tertib. Secara umumnya, pengurusan dapat dikatakan sebagai proses bagi mencapai matlamat sesebuah organisasi bagi mencapai matlamat dengan cara yang berkesan dan cekap. Menurut Daft (1997), pengurusan dilakukan melalui proses perancangan,



pengorganisasian, kepemimpinan dan pengawalan sumber-sumber organisasi. Dua elemen penting yang ditekankan dalam definisi ini ialah fungsi pengurusan yang mana mempunyai empat iaitu perancangan, pengorganisasian, kepemimpinan dan pengawalan manakala yang keduanya adalah matlamat organisasi dicapai mengikut cara yang berkesan dan cekap. Perlaksanaan sesebuah pengurusan adalah sinonimnya digambarkan kepada individu yang memainkan peranan yang penting iaitu pengurus. Namun begitu, secara keseluruhannya semua individu dalam sesebuah organisasi syarikat atau masyarakat itu memainkan peranan yang sangat penting bagi memastikan aspek pengurusan itu terlaksana sebagaimana yang diinginkan.

Menurut Rahim Abdullah (1994), beliau beranggapan bahawa seseorang yang mengurus atau lebih dikenali sebagai pengurus mempunyai gelaran yang pelbagai nama pada jawatan mereka tetapi pada hakikatnya mereka masih pada tanggungjawab yang sama iaitu mengurus sesebuah organisasi dengan mengadunkan unsur-unsur manusia, wang dan sumber-sumber yang ada pada mereka bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh organisasi. Beliau secara ringkasnya menggambarkan proses mengurus melalui rajah berikut:





Rajah 1.1. Proses Mengurus Sesebuah Organisasi

Peranan pengurusan dapat dilihat dan dipecahkan kepada empat cabang utama iaitu perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan pengawalan. Keempat-empat peranan ini mempunyai kepentingan masing-masing dan saling berhubung kait diantara satu sama lain.

Sesebuah organisasi akan dianggap sebagai berjaya apabila mereka berupaya mengimbangi keempat-empat peranan ini dengan selari dan sepatutnya. Perancangan menurut Certo (1997) yang dipetik dari Aizzat Mohd Nasurdin, Intan Osman, Zainal Ariffin Ahmad (2006) adalah merupakan proses bagaimana sistem pengurusan organisasi boleh mencapai matlamatnya. Ini menjelaskan bahawa sesebuah organisasi itu merangka satu kerangka tindakan yang bakal diambil bagi membolehkan target yang ditetapkan oleh organisasi mereka tercapai sebagaimana yang diinginkan. Tujuan perancangan dibuat adalah bagi memastikan keselarasan tindakan yang bakal diambil oleh setiap ahli organisasi, mengelakkan pertindihan aktiviti dan pembaziran yang



boleh merugikan organisasi di samping menetapkan objektif dan juga piawaian yang akan diguna pakai semasa proses pengawalan.

Pengorganisasian pula adalah segala tindakan bagi mencapai matlamat yang diagihkan kepada seluruh anggota organisasi mengikut peranan yang telah ditetapkan. Menurut Bartol dan Martin (1994) mendefinisikan pengorganisasian sebagai proses mengagihkan dan menyusun sumber manusia dan bukan manusia supaya pelan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Dalam proses ini, setiap jabatan, bahagian dan individu memainkan peranan yang penting bagi menyumbang tenaga untuk gerak kerja yang telah dirangka dengan sebaiknya. Pengorganisasian yang dilaksanakan dengan baik akan dapat mewujudkan agihan kerja yang tidak bertindih, menimbulkan konflik, pembaziran dan penyalahgunaan sumber-sumber seperti bahan-bahan dan tenaga manusia. Selain itu, antara asas-asas yang juga diambil kira ketika mengorganisasikan gerak kerja adalah pembahagian kerja, penjabatan struktur organisasi dan juga penyelarasan. Komunikasi yang berkesan dalam proses ini adalah perlu dititikberatkan agar gerak kerja yang bakal diambil adalah jelas dan tepat.

Seterusnya adalah prinsip ketiga iaitu prinsip kepimpinan. Pengurusan tidak dapat dijalankan dengan sebaiknya jika kepimpinan tidak ditekankan dalam usaha sesebuah organisasi mengejar hala tuju yang ditetapkan. Robbins and Coutler (2005) mentakrifkan kepimpinan sebagai proses yang mempengaruhi kumpulan kearah pencapaian matlamat. Sesebuah organisasi itu sudah tentu merupakan hasil dari gabungan sumber manusia yang mempunyai kepelbagaian sifat yang cukup dinamik. Bagi memastikan bahawa segala karenah, gelagat serta perlakuan ahli sesebuah





organisasi itu boleh dikawal dengan sebaiknya, kepimpinan memainkan peranan yang sangat penting kerana amat diperlukan sepanjang tempoh sesebuah organisasi itu beroperasi. Kepimpinan seharusnya dilakukan secara berterusan dan mempunyai momentum yang begitu konsisten pada setiap masa bagi mengelakkan organisasi dari mempunyai struktur yang tidak sempurna, menghadapi perubahan sama ada perubahan dalaman ataupun luaran sesebuah organisasi terbabit serta bagi memberi semangat motivasi yang memberi inspirasi kepada setiap ahli.

Pengawalan pula merupakan fungsi atau peranan terakhir dalam bidang pengurusan. Menurut Certo (1997), pengawalan merupakan usaha yang sistematik untuk membandingkan prestasi dengan piawaian, pelan atau objektif yang telah ditetapkan sebelumnya untuk menentukan sama ada prestasi adalah konsisten dengan piawaian ataupun prestasi tersebut perlu diperbaiki. Ketika proses ini dijalankan, sesebuah organisasi dapat mengetahui dan menilai sama ada segala bentuk perancangan, pengorganisasian dan kepimpinan yang telah dilakukan adalah berkesan ataupun tidak. Pada ketika ini, jika sesebuah organisasi itu mempunyai aktiviti yang efektif dan berkesan, ianya boleh dikekalkan dan ditambah baik mengikut kesesuaian. Jika sebaliknya, langkah yang sepatutnya harus diambil bagi memperbetulkan kesalahan ataupun ketidakberkesanan aktiviti yang telah dijalankan sebelumnya. Kawalan juga amat diperlukan bagi mengendalikan ketidakpastian dan perubahan, meningkatkan kualiti, mengesan peluang yang ada bagi organisasi memanfaatkannya, mengendalikan sesuatu masalah serta mendesentralisasikan kuasa.





Aspek pengurusan yang efektif dan berkesan dapat memupuk dan melatih seseorang individu itu merangka dan membina perancangan secara teratur dan tersusun. Apabila seseorang individu itu sudah terbiasa dengan susun atur kerja yang mempunyai perancangan yang baik dan jelas, mengkoordinasikan segala sumber tenaga atau kewangan dengan sebaiknya, memberi contoh motivasi dan memacu anggota kumpulan pada jalan yang betul disamping mengawalinya dengan cekap ianya sekaligus dapat memupuk individu menjadi seorang individu yang cekap, berdisiplin, bertanggungjawab dan jujur. Identiti yang dibentuk ini menjadi cerminan positif kesan pengurusan yang baik dalam kehidupan seharian. Lantas dapat membentuk sebuah organisasi syarikat yang berdaya saing, mampu mencapai objektif yang telah ditetapkan dan terus berkembang maju. Malahan turut mampu membina sebuah organisasi masyarakat yang bekerjasama, bersatu padu, kukuh dan maju. Pembinaan komuniti dan organisasi masyarakat sebeginilah yang diperlukan dalam sesebuah negara membangun seperti Malaysia menjelang abad yang serba kompetitif dan berteknologi tinggi. Maka lahirlah pembentukan identiti sesebuah bangsa yang dapat mencerminkan nilai kemasyarakatan yang menjadi tunjang dan pegangan dalam kehidupan mereka. Ini sebagaimana dipersetujui oleh Chandri Singh dan Aditi Khatri (2016: 2):

..... When people operating in a group, their efforts have to be controlled, coordinated, and directed towards a common goal. This is nothing but management. Like the brain controls the entire functioning of the human body, management controls the functioning of the human body, management controls the functioning of an organization.



Berdasarkan keempat-empat peranan pengurusan diatas, dapat dilihat bahawa pengurusan yang sebaiknya haruslah dititikberatkan dalam setiap sudut kehidupan seharian mahupun bidang tugas yang kita ceburi. Oleh itu, mengambil peranan bahawa pentingnya akan penerapan disiplin pengurusan didalam bidang kesusasteraan, kajian ini akan melihat aspek pengurusan iaitu perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan pengawalan dalam pembinaan identiti sesebuah bangsa yang terdapat dalam tiga buah novel pilihan karya Profesor Dr Haji Abdul Malik Bin Dr. Syekh Haji Abdul Karim Amrullah atau lebih dikenali sebagai Hamka iaitu *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck (TKVDW)*, *Merantau ke Deli (MKD)* dan *Di Bawah Lindungan Ka'bah (DBLK)*.

1.2 Latar Belakang Kajian

Ketertiban dan susun atur yang baik dalam aspek pengurusan tidak kira dalam apa jua bidang, organisasi mahupun dalam pengendalian sesuatu program memainkan peranan yang sangat penting. Bagi memastikan segala matlamat ataupun objektif sesebuah organisasi mahupun bidang itu tercapai, pengurusan yang cekap haruslah dititikberatkan. Kepincangan dalam aspek pengurusan jelas bakal memberi kesan sama ada bagi jangka masa panjang ataupun jangka masa pendek. Makanya, penerapan disiplin pengurusan dalam bidang Kesusasteraan Melayu dilihat mampu memastikan bidang ini terus berkembang dan sentiasa bergerak seiring dengan arus modenisasi negara. Secara dasarnya pengurusan sastera boleh dibahagikan kepada dua iaitu pengurusan yang berhubung kait dengan operasi sesebuah organisasi yang meletakkan sastera sebagai teras manakala yang keduanya adalah pengurusan yang terdapat dalam sesebuah teks sastera (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2014).



Menurut Ismail Ahmad (1990) yang dipetik dari Sukatan Pelajaran STPM Baharu 922 Kesusasteraan Melayu Komunikatif (2014) menyatakan bahawa pengurusan sastera ialah mereka yang bertugas di sesebuah institusi untuk mengembangkan sastera, termasuk institusi penerbitan sastera juga adalah ejen. Beliau turut menyatakan bahawa kerja utama yang menjadi fokus adalah mengembang dan memajukan kesusasteraan melalui organisasi atau badan yang tertentu. Individu dan organisasi ini juga bertanggungjawab dalam memikirkan dan juga merancang bagi membina dan mengembangkan kesusasteraan, penulis dan karya. Seseorang penulis mungkin juga terlibat dalam aspek pengurusan apabila beliau sendiri terlibat dalam sesebuah organisasi ataupun kumpulan yang bertanggungjawab bagi meletakkan bidang sastera pada satu tahap atau matlamat yang ditetapkan seperti Persatuan Penulis Budiman Malaysia, Persatuan Karyawan Perak dan Persatuan Penulis dan Peminat Sastera Perak Malaysia. Kemahiran dan pengetahuan tentang bidang pengurusan sedikit sebanyak membantu mereka dalam mentadbir urusan organisasi yang mereka tubuhkan dengan sebaiknya bagi memastikan penubuhan badan-badan ini memainkan peranan yang sewajarnya untuk membantu pihak berwajib iaitu pihak kerajaan seperti Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan memartabatkan bidang kesusasteraan di Malaysia.

Selain itu, pengurusan sastera juga dapat dilihat di dalam teks sastera. Pengenalan pendekatan pengurusan di dalam bidang kesusasteraan Melayu di tanah air oleh Profesor Mohammad Mokhtar Abu Hassan membuktikan bahawa disiplin ini amat bersesuaian dalam bidang kritikan sastera moden. Beliau telah membentangkan pendekatan baru ini sebagai salah satu metod baru dalam penelitian sastera ketika





menghadiri Seminar Himpunan Ilmuwan Sasterawan Melayu (HISMA) pada tahun 2013 di Universiti Pendidikan Sultan Idris melalui kertas kerjanya yang bertajuk “Pendekatan Pengurusan: Satu Metode dalam Dunia Kritikan” (Mohamad Zubir Ismail & Mohamad Mokhtar Hassan, 2017). Pendekatan ini telah mengenengahkan lima prinsip-prinsip asas pengurusan iaitu Prinsip Perancangan, Prinsip Kepimpinan, Prinsip Pengorganisasian, Prinsip Penstafan Dan Prinsip Pengawalan. Kelima-lima prinsip ini diterapkan bagi menganalisis struktur teks sesebuah karya meliputi watak, perwatakan, nilai, isu, persoalan, latar dan juga pemikiran yang dibawa oleh pengarang di dalam karya mereka.

Ketika membentang metod pendekatan moden ini, Mohammad Mokhtar Abu Hassan telah mengambil beberapa cerita sastera rakyat iaitu Sang Kancil dan Buaya, Lebai Malang serta Di Sebalik Tirai Makna sebagai batasan kajian untuk mengaplikasikan pendekatan yang diperkenalkan. Berdasarkan dapatan dan analisis yang dijalankan oleh beliau, kelima-lima prinsip yang terdapat dalam pengurusan sastera sememangnya sangat bersesuaian bagi meneliti teks-teks sastera. Mengaplikasikan disiplin pengurusan dalam bidang sastera di tanah air dilihat mampu memberikan kesan positif apabila satu pemikiran aliran baru dapat memberikan kelainan dan memeriahkan lagi penelitian terhadap karya-karya sastera pada masa yang akan datang. Walaupun medium sastera bersilih ganti, iaitu bermula daripada tradisi lisan kepada tradisi tulisan dan kini kepada medium alternatif, namun aspek pengurusan seharusnya tidak terpinggir dan perlu diberi perhatian dan diberikan keutamaan (Mohamad Zubir Ismail, Sara Beden, Mohamad Mokhtar Hassan, 2015).



Kesinambungan daripada pengenalan pendekatan pengurusan dalam bidang Kesusasteraan Melayu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggubal semula Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif dengan mengemaskini tajuk, kandungan dan kemahiran agar selari dengan perkembangan semasa. Sukatan yang baharu ini bertujuan mendedahkan kepada calon diperingkat pra universiti berkaitan dengan penghayatan karya; sastera dan pembangunan; kreativiti, pengurusan dan multimedia disamping memberi penekanan bagi meningkatkan kemahiran menulis, mencari dan menganalisis maklumat, menyelesaikan masalah dan komunikasi secara berkesan. Antara objektif sukatan pelajaran baharu ini adalah bagi membolehkan para pelajar;

- a. mengapresiasi karya kesusasteraan;
- b. mengkaji dan menelusur ilmu kesusasteraan serta penerapan ilmu bantu;
- c. menghuraikan konsep sastera dan pembangunan meliputi pembangunan insan, masyarakat, dan negara berasaskan teks sastera terpilih;
- d. menghasilkan karya kreatif;
- e. menyunting karya kreatif;
- f. menguasai dan menghuraikan prinsip pengurusan dalam organisasi sastera;
- g. mengkaji dan memahami ilmu pengurusan dalam karya; dan
- h. menguasai dan mengaplikasikan elemen multimedia dalam teks sastera terpilih.

Kandungan sukatan pelajaran baharu ini terdiri daripada tiga bahagian iaitu penghayatan karya, sastera dan pembangunan serta kreativiti, pengurusan dan multimedia. Pada penggal ketiga, calon akan mempelajari prinsip asas pengurusan (perancangan, pengorganisasian, tenaga kerja ataupun *staffing*, kepimpinan dan



kawalan) di mana pada akhir sesi pembelajaran calon dapat menjelaskan maksud dan konsep asas pengurusan dan menghuraikan prinsip asas pengurusan organisasi. Seterusnya calon harus menerapkan prinsip asas pengurusan ini ke dalam teks dengan mengenalpasti unsur pengurusan daripada teks kajian serta menganalisis asas pengurusan dalam organisasi yang wujud dalam teks kajian. Organisasi sastera pula mendedahkan calon kepada aspek perancangan kerja dalam organisasi sastera dan menghuraikan aspek pengurusan projek seperti seminar, kursus, pertandingan serta pementasan. Ini jelas membuktikan bahawa kepentingan bagi memberikan penekanan kepada aspek pengurusan sastera itu sendiri harus dipupuk sejak generasi muda lagi supaya bidang Kesusasteraan Melayu dapat dilestarikan melewati arus pemodenan semasa dengan bermula dari lapisan awal institusi pendidikan iaitu di sekolah.



Sastera boleh dikatakan adalah cerminan kepada realiti kehidupan yang sebenar kepada sesebuah masyarakat. Ianya sungguh rapat dan amat sinonim bagi menceritakan perihal sama ada yang telah berlaku, belum berlaku tetapi pengarang merasakan ianya akan berlaku ataupun kemungkinan juga hanyalah merupakan satu imaginasi idea pengarang sahaja. Contohnya, novel *Ranjau Sepanjang Jalan* merupakan cerminan kehidupan dan kejadian sebenar yang terjadi dalam sesebuah masyarakat. Pengarang telah memperlihatkan kepada pembaca penderitaan yang dihadapi oleh masyarakat tani apabila terpaksa membanting tulang empat kerat mereka bagi mencari rezeki. Shahnnon Ahmad (1991) bersetuju meletakkan bahawa novel ini adalah satu ‘seismograf’ yang mana adalah hasil dari penganalisan terhadap realiti masyarakat yang sebenar dan bukannya direka semata-mata. Identiti sesebuah masyarakat dan bangsa itu sendiri jelas terpapar kepada para pembaca dan secara tidak langsung walaupun pada hakikatnya





pembaca yang membaca novel tersebut adalah bukan dari latar masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut mahupun dari latar masa atau zaman yang sama, pembaca masih boleh mampu menyelami dan merasai sendiri jalan cerita yang hidup dan boleh merasakan bahawa mereka juga adalah sebahagian daripada jalan cerita yang digarap oleh pengarang.

Watak dan perwatakan yang dibina oleh pengarang adalah kebanyakannya melambangkan personaliti dan karakter sebenar seseorang individu yang terdapat dalam sesebuah masyarakat. Personaliti dan karakter seseorang inilah yang menjadi gambaran kepada identiti seseorang individu yang juga memainkan peranan penting dalam pembinaan serta menjadi asas kepada sebuah masyarakat dan seterusnya bangsa itu sendiri. Hal ini menyebabkan setiap bangsa itu adalah berbeza di antara yang lain dan mempunyai keunikannya tersendiri. Reicher dan Hopkins (2001) menyatakan bahawa “*Different identities (or different definitions of the same identity) will lead to different interest and different ways to pursuing them*” telah menjelaskan kepada kita bahawasanya perbezaan identiti yang dimiliki oleh seseorang individu dan organisasi bakal mewujudkan satu matlamat yang berbeza dan akan membentuk kepada satu gerak kerja atau langkah yang berbeza bagi mencapai matlamat tersebut dan sudah tentulah pengurusan yang baik sangatlah diperlukan.

Sebagai sebuah negara pernah dijajah oleh kuasa-kuasa hebat dunia seperti Belanda, British dan Jepun, Malaysia telah menerima migrasi kaum Cina untuk bekerja di sektor perlombongan masyarakat dan India di sektor perladangan di Tanah Melayu. Kesannya, Malaysia sehingga kini memiliki keunikan tersendiri dengan memiliki latar





masyarakat yang mempunyai kepelbagaian kaum dan keunikan inilah menjadikan negara Malaysia sebuah negara yang dihormati. Ini kerana Malaysia sehingga kini dilihat sebagai sebuah negara yang masih mampu mengekalkan keharmonian dan membentuk sebuah organisasi masyarakat yang majmuk. Maka, dengan kepelbagaian masyarakat inilah Malaysia tidak boleh digelar sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat *homogenous*. Menurut Ericksen (2002) yang dipetik dari Rashidah Mamat (2016), *“The nation is imagined as a mosaic in multiculturalism where it may be depicted as identical to the ‘mosaic of cultures’ represented in identity politics”*. Ianya dapat difahami bahawa masyarakat yang mempunyai kepelbagaian kaum itu ialah sebuah bangsa yang disifatkan sebagai cantuman-cantuman budaya yang mewakili identiti politik (Rashidah Mamat, 2016). Sebagaimana yang boleh kita lihat di Malaysia, masyarakat Malaysia mempertontonkan identiti bangsa masing-masing melalui persembahan kebudayaan secara umum tanpa sekatan selagi kebudayaan tersebut mengikut garis undang-undang dan syarat yang ditetapkan bagi mengelakkan tercetusnya polemik yang boleh menyentuh sensitiviti setiap kaum. Peluang kesamarataan ini sering dapat kita lihat pada sambutan Hari Kebangsaan pada setiap tahun dan juga ketika penganjuran Citrawarna Malaysia dalam industri pelancongan.

Menyelami keunikan dan kemegahan bangsa Melayu menerusi empayarnya sejak dahulu dibuktikan melalui sistem pemerintahan beraja yang sangat kuat dan sistematik, adat yang tinggi dijunjung serta agama sebagai pegangan dalam kehidupan. Melalui konsep *The Malay World* atau dunia Melayu yang telah lama digunakan oleh barat adalah satu konsep yang menunjukkan manusia dan kebudayaannya, iaitu konsep yang menunjukkan perhubungan manusia dan budaya daripada jumlah bangsa di





nusantara yang memiliki kesamaan dari segi asal-usul mereka, bahasa, agama, adat istiadat dan kesenian (Mohd Yusof ,1991 yang dipetik dari Nor Azlan Sham Rambely, 2016). Walaupun mereka bertebaran berbeza tempat dan kedudukan geografi yang disebabkan oleh pengaruh politik, mereka masih lagi berkongsi kesamaan dalam beberapa perkara tersebut. Kesamaan ini menjadikan masyarakat Melayu adalah unik dan beridentiti.

Bagi membentuk dan mempertahankan identiti sesebuah bangsa itu sendiri, kita haruslah melihat dan percaya bahawa sesebuah bangsa mempunyai keunikannya yang tersendiri dan mempunyai hak untuk mempertahankannya sepanjang masa. Menjadi satu tanggungjawab bagi setiap individu dalam masyarakat dan bangsa tersebut mempertahankannya dari ditelan zaman dan diabaikan. Kealpaan dalam melindungi identiti sesebuah bangsa menyebabkan kedaulatan sesebuah bangsa itu boleh tergugat dan terancam. Akhirnya, ini boleh mengakibatkan sesebuah bangsa akan berpecah belah serta melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan populasi bangsa itu sendiri. Kesedaran Melayu tentang maruah terlambang dalam kata air muka dan terjelma dalam sikap tahu malu atau *sense of shame* yang mana transformasi inilah telah melahirkan kontrak sosial baru berasaskan prinsip dan nilai keadilan sebagaimana yang terumus dalam ungkapan ‘raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah’ (Siddiq Fadzil, 2012:3).





1.3 Permasalahan Kajian

Penerapan aspek pengurusan dalam pembangunan dan pembentukan identiti sesebuah negara melalui karya sastera adalah sangat terhad. Kesedaran akan kepentingan penerapan terhadap disiplin pengurusan hanyalah dilihat dan difokuskan kepada pembangunan dan kemajuan sesebuah organisasi syarikat atau pertubuhan sahaja tetapi tidak diberikan penekanan kepada pembangunan organisasi masyarakat itu sendiri. Kesedaran akan pembangunan organisasi masyarakat sebagai ciri-ciri yang mencerminkan identiti masyarakat dan juga sesebuah bangsa adalah masih cetek. Justeru itu kesedaran bagi penyelidikan dalam aspek pengurusan sastera ataupun kesusasteraan itu sendiri adalah sangat kurang dan boleh dikatakan tidak menjadi perhatian dan tidak mampu menarik minat para penyelidik.



Ketika proses sesebuah negara mengejar arus modenisasi dan taraf negara maju, penumpuan adalah lebih berat diberikan kepada pembangunan dari segi sains dan teknologi secara mutlak. Hal ini menjadikan anggota masyarakat lebih tertumpu kepada bidang sains dan teknologi dalam kehidupan seharian dan penerapan disiplin pengurusan hanyalah berfokuskan kepada organisasi syarikat sahaja bagi mencapai target yang ditetapkan. Oleh itu, kebanyakan organisasi syarikat mengaplikasikan segala kemudahan dan manfaat sains dan teknologi dalam operasi mereka. Sememangnya tidak dapat disangkal bahawa ianya menjadikan bidang pengurusan semakin hari semakin cekap, efektif serta terus berkembang. Namun begitu, secara tidak langsung kebimbangan terhadap mengimbangi keperluan rohani tidak ditekankan yang akhirnya menyebabkan pembentukan insaniah itu terabai sedikit demi sedikit.





Setiap individu atau anggota dalam masyarakat boleh dikatakan adalah pengurus kerana pada hakikatnya setiap hari mereka sudah menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pengurus yakni apabila mereka menguruskan kehidupan masing-masing, keluarga dan juga orang di sekeliling mereka. Ini merangkumi pelbagai aspek seperti aspek kewangan, masa dan rumah tangga. Secara tidak langsung kita mendapati bahawa kita sebenarnya telah menerapkan asas-asas pengurusan iaitu merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal. Sebagai contohnya, pada setiap pagi seawalnya kita bangun dari tidur pada setiap hari, kita telah pun menguruskan kehidupan kita sendiri dengan memikirkan apakah perancangan aktiviti yang bakal dilakukan pada hari tersebut. Berdasarkan perancangan tersebut, kita cuba mengatur masa dengan sebaiknya dan memikirkan cara bagaimanakah memastikan ia terlaksana. Pada akhirnya sudah tentu kita akan meneliti dan melakukan kawalan agar sebarang masalah yang telah terjadi dapat dielakkan dan tidak berulang pada masa akan datang. Jika setiap hari kita melatih diri menguruskan kehidupan dengan sebaiknya dan teratur, secara tidak langsung amalan ini dapat memupuk dan membentuk diri menjadi seorang individu yang mempunyai jati diri. Tidakkah ini boleh dikatakan juga sebagai langkah dalam usaha membentuk identiti individu bahkan masyarakat serta bangsa itu sendiri?

Sebuah bangsa dianggotai oleh masyarakat yang berasalnya individu-individu yang berada dalam kelompok tertentu. Walaupun mungkin berbeza kedudukan geografi dek kerana persempadanan politik dan pemerintahan, tetapi mereka masih menyanjung dan berpegang kepada persamaan yang tertentu yakni adat, agama serta mungkin juga undang-undang yang sama. Menyedari akan kepentingan bagi membentuk negara dan bangsa yang beridentiti teguh, kerajaan telah meletakkan salah satu dari teras strategik



dalam Rancangan Malaysia ke Sebelas sebagai usaha ke arah pembentukan identiti yang teguh iaitu pada teras ketiga, Meningkatkan Pembangunan Modal Insan Untuk Negara Maju (Rancangan Malaysia ke Sebelas, 2016). Pembangunan ini dilihat sebagai faktor yang begitu dominan dalam memastikan perkembangan sektor ekonomi negara. Penumpuan bagi teras ketiga ini adalah dalam usaha kerajaan bagi membentuk sebuah negara bangsa yang mempunyai modal insan yang tinggi. Ini jelas dinyatakan di dalam perancangan tersebut iaitu:

Pembangunan modal insan merupakan pemboleh penting bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan menyokong peralihan semua sektor kepada aktiviti berintensif pengetahuan. Pasaran buruh yang cekap dan berkesan perlu untuk menarik pelaburan bagi membolehkan rakyat mengambil bahagian dalam aktiviti ekonomi dan mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi.

(RMK 11 Bab 1 Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat, 2016: 9)

Penumpuan kerajaan bagi menyeimbangi kemajuan dan pembangunan negara dibuktikan dengan menyenaraikan pembangunan modal insan sebagai salah satu teras strategik yang akan sama-sama didokong dan bakal dipandang serius. Apabila menjadi salah satu teras di dalam RMK-11, sudah pasti sebahagian besar bajet dan kewangan negara diperuntukkan oleh kerajaan bagi memastikan kelancaran susun atur segala perancangan yang bakal dijalankan. Salah satunya adalah melalui bidang pendidikan iaitu melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga lepas Menengah) atau PPPM yang dilancarkan pada 2013. Matlamat utama PPPM adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang memiliki pengetahuan,



kemahiran berfikir secara kritis, kemahiran kepimpinan, kemahiran bahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional untuk berjaya dalam abad ke 21 (RMK 11 Bab 5 Meningkatkan Pembangunan Modal Insan Untuk Negara Maju, 2016: 10). Maka, hal ini kukuh menjelaskan bahawa kerelevanan bagi menitikberatkan pembentukan identiti yang teguh bagi negara yang sedang meningkat maju.

Seterusnya berdasarkan kajian yang dijalankan terhadap aspirasi rakyat Malaysia Pasca 2020, terdapat tiga aspirasi yang telah diketengahkan sebagai dimensi penting iaitu Rakyat, Ekonomi dan Alam Sekitar. Ketiga-tiga dimensi ini adalah berlatarbelakangkan situasi global yang dipercayai dapat membina negara Malaysia pada masa hadapan. Sistem Nilai di dalam Dimensi Rakyat telah menggariskan kepentingan akan identiti kebangsaan yang utuh dan budaya penyangg. Selain itu, bakat rakyat turut dikenal pasti sebagai aspirasi bagi membentuk negara Malaysia yang maju iaitu melalui personaliti yang memberi inspirasi. Rakyat pula dilihat sebagai salah satu komponen organisasi masyarakat dan bangsa haruslah diuruskan sebaiknya dan melalui Rancangan Malaysia ini telah menunjukkan bahawa komitmen kerajaan dalam menjaga dan menghargai rakyat selaku aset negara yang berharga. Rakyat berkeyakinan tinggi, mempunyai kecerdasan emosi dan rohani serta mampu berkomunikasi dengan berkesan dan memiliki daya kepimpinan boleh memberi inspirasi kepada masyarakat dalam dan luar negara untuk mencapai kecemerlangan (RMK 11 Bab 10 Malaysia Pasca 2020, 2016: 9).





Melihat kepada kesinambungan dalam beberapa siri Rancangan Malaysia yang telah dirangkakan oleh pihak kerajaan, pembinaan identiti individu, masyarakat lantas bangsa itu sendiri sangat relevan untuk diteruskan mengikut kesesuaian yang diperlukan bertepatan dengan perubahan semasa yang berlaku dalam kehidupan seharian. Bagi memastikan kelangsungan sesebuah bangsa, ianya amat bergantung kepada keupayaan sesebuah bangsa memiliki khazanah yang disebut manfaat segala bentuknya; kekuatan intelektual, moral dan material yang semuanya didasari semangat kebaktian kemanusiaan (Siddiq Fadzil, 2012: 7). Amat malang jika sesebuah negara itu berdaya saing di peringkat antarabangsa dan terkenal di seantero dunia tapi pada hakikat masyarakat di negara tersebut telah kehilangan identiti mereka sendiri. Mereka menjadi masyarakat yang mementingkan diri sendiri, tiada nilai kemanusiaan serta hilang kesantunan dari segi berbahasa. Bagi bangsa Melayu iaitu selaku masyarakat yang mempunyai majoriti dan menjadi tulang belakang utama kepada negara Malaysia, mereka inilah yang menjadi cerminan utama kepada mata-mata pemerhati yang datang dari luar negara sama ada tujuan rasmi atau bersantai bagi menterjemahkan identiti negara Malaysia pada amnya dan bangsa Melayu secara khususnya.

Karya yang memperincikan kehebatan bangsa Melayu seperti Hikayat Hang Tuah cuba menghidupkan semula kegemilangan bangsa Melayu selepas kerajaan Melaka telah dikalahkan oleh Portugis (Hassan Ahmad, 2004) menggambarkan betapa hebatnya bangsa Melayu. Raja yang menjadi lambang kedaulatan bangsa Melayu, Bendahara pula melambangkan kebijaksanaan dalam mentadbir kerajaan pada ketika itu manakala kekuatan Hang Tuah mencerminkan kekuatan tentera Tanah Melayu pada zaman kesultanan Melaka. Watak-watak ini tidak dimatikan pada akhir penceritaan





karya bagi menyampaikan pengajaran kepada pembaca bahawasanya bangsa Melayu tidak akan sesekali hilang ditelan dunia. Melalui karya-karya kesusasteraan Melayu, dapat digambarkan bagaimana perkembangan, pembinaan malahan juga kemerosotan sesebuah bangsa.

Selain itu, Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang telah diperkenalkan oleh Tun Abdul Razak ketika beliau menyandang jawatan sebagai Perdana Menteri pada tahun 1971 adalah merupakan satu inisiatif yang diambil oleh pihak kerajaan bagi dijadikan garis panduan dalam membentuk, mewujudkan dan mengekalkan identiti negara di kalangan dunia antarabangsa. Penggubalan dasar ini juga telah melalui proses yang sangat rapi apabila telah dirangka dengan teliti supaya fakta-fakta perkembangan sejarah di rantau ini serta kedudukan Malaysia selaku titik pertemuan aktiviti perdagangan pada zaman dahulu dipelihara. Proses pertemuan dalam perdagangan telah mewujudkan proses interaksi, pengenalan, penyerapan dan penerimaan pelbagai unsur-unsur yang sesuai kepada kebudayaan asas rantau ini daripada pelbagai unsur-unsur kebudayaan dunia (Ayu Nor Azilah Mohamad, Rohaini Amin & Nor Azlina Endut, 2017: 2).

Tiga prinsip telah ditetapkan menjadi tunjang kepada Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini, unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar diterima serta Islam menjadi unsur yang terpenting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan (Dasar Kebudayaan Kebangsaan, 1971). Walaupun telah hampir setengah abad diperkenalkan, haruslah



diakui bahawa pihak kerajaan masih perlu berusaha keras agar segala objektif dan strategi-strategi dilaksanakan dengan jayanya. Sememangnya dasar yang digubal oleh kerajaan pada ketika itu sangat penting bagi proses pembangunan Malaysia di mana identiti Malaysia haruslah dibentuk agar pembangunan dari segi sosioekonomi dan politik dipertingkatkan. Segala perancangan berbentuk kebudayaan di negara kita juga haruslah menentukan sifat-sifat yang baik, mulia dan utama bagi memastikan pembinaan bangsa dan ketahanan bangsa. Keupayaan ketiga-tiga prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan mengangkat identiti bangsa haruslah dilakukan secara berterusan. Namun begitu, dasar ini seolah-olah hanya tertulis sahaja di atas kertas dan proses perlaksanaannya semakin dilupakan. Sebagaimana yang diperkatakan oleh Ross Poole (1999) iaitu *the national culture is subject to change, and at any given time aspects will be subject to debate criticism*.

Sehubungan dengan itu, kajian ini bakal melihat bagaimanakah pembinaan identiti bangsa Melayu melalui bidang kesusasteraan Melayu yang dilihat sebagai satu medium menterjemahkan identiti sesebuah bangsa melalui watak dan perwatakan yang ditonjolkan oleh pengarang iaitu Hamka. Ini kerana proses pembinaan identiti oleh watak dan perwatakan serta masyarakat yang melatari ketiga-tiga novel ini adalah refleksi kepada pembinaan dan pembentukan identiti bangsa Melayu secara realiti. Disiplin pengurusan pula diguna pakai dalam melihat bagaimana tiga watak-watak utama yang dipilih menguruskan elemen-elemen yang mempengaruhi bagi pembinaan sebuah identiti yang kukuh.



1.4 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif kajian iaitu:

- a) Menenalpasti prinsip yang terdapat dalam pengurusan identiti bangsa dalam trilogi novel Hamka.
- b) Menganalisis pengurusan identiti bangsa Melayu yang terdapat dalam trilogi novel karya Hamka berdasarkan 14 Prinsip Pengurusan Henry Fayol.
- c) Merumuskan kesesuaian Teori Teksdealisme untuk menganalisis pengurusan identiti bangsa yang terdapat dalam trilogi novel Hamka.

1.5 Soalan Kajian



Terdapat tiga soalan kajian iaitu:

- a) Apakah prinsip yang terdapat dalam pengurusan identiti bangsa dalam trilogi novel Hamka?
- b) Apakah pengurusan identiti bangsa Melayu yang terdapat dalam trilogi novel karya Hamka berdasarkan 14 Prinsip Pengurusan Henry Fayol?
- c) Bagaimanakah Teori Teksdealisme dapat digunakan dalam menganalisis pengurusan identiti bangsa dalam trilogi novel Hamka?



1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat diperlukan dan penting kerana pengaplikasian sudut pengurusan dalam bidang kesusasteraan Melayu amat jarang diterokai dan kurang diberikan penekanan. Pengurusan hanyalah ditumpukan kepada bidang pentadbiran sesebuah organisasi semata-mata. Harulah disedari bahawa bidang kesusasteraan Melayu semakin hari semakin dilupakan dan tidak digemari oleh generasi Y pada masa kini. Bidang ini dianggap sebagai suatu bidang yang tidak mempunyai masa depan yang cerah sedangkan pada hakikatnya bidang kesusasteraan Melayu melalui karya-karya sastera seperti novel, cerpen, pantun, puisi dan sajak mampu menyentuh naluri serta rohani seseorang manusia secara fitrahnya. Melalui pembacaan dan penghayatan terhadap karya-karya sastera, pembaca secara tidak langsung melalui proses pembelajaran secara tidak rasmi kerana pembaca secara tidak sedar akan memperolehi nilai dan pengajaran yang sangat baik bagi dijadikan panduan dan teladan dalam kehidupan seharian.

Bagi membina sesebuah identiti yang teguh dan memelihara identiti yang dimiliki, identiti tersebut harus dijaga dan ditadbir urus dengan sebaiknya. Asas sesebuah bangsa hakikatnya dibina dari kelompok individu dalam sesebuah masyarakat yang mempunyai persamaan dalam bahasa, budaya, agama ataupun istiadat, dan bagi mengukuhkan asas ini, persamaan ini harulah diuruskan sebaiknya oleh masyarakat atau bangsa terbabit dengan melalui proses pengurusan yang baik. Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Hashim Hj Musa (2005), sesungguhnya asas kekuatan dalaman tamadun bukan terletak pada kekuatan peralatan kebendaan tetapi pada diri manusia yang menganggotai masyarakatnya iaitu manusia baik yang disemai dan dipupuk sepenuhnya dengan nilai Islam, Iman dan Ihsan. Prinsip pengurusan iaitu perancangan,

pengorganisasian, kepimpinan dan pengawalan juga haruslah diaplikasikan dengan sebaiknya. Maka, kajian ini akan merungkai prinsip yang terdapat dalam pengurusan identiti bangsa dalam ketiga-tiga buah novel yang telah dipilih.

Selain itu, kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada golongan sastera terutamanya golongan-golongan yang terlibat dalam aspek pengurusan sastera. Bagi mengekalkan kemeriahan industri sastera negara, tidak dinafikan bahawa peranan yang dimainkan oleh badan-badan bukan kerajaan seperti persatuan penulis sastera dan peminat sastera dapat memelihara dan melestarikan bidang ini. Mereka bukan sahaja memerlukan pengetahuan dalam bidang kesusasteraan semata-mata, tetapi juga pengetahuan yang mendalam dalam bidang pengurusan bagi membolehkan persatuan-persatuan yang ditubuhkan mencapai objektif masing-masing, mengelakkan pembaziran seperti sumber tenaga kerja mahupun kewangan dan kekal aktif menjalankan tanggungjawab serta peranan masing-masing.

Melalui kajian ini juga, ianya mampu memperlihatkan kepada masyarakat bahawa bagaimanakah pembinaan identiti bangsa sebenarnya telah lama diketengahkan oleh penulis ataupun pengarang dalam karya mereka sejak dahulu lagi. Penelitian ini dilihat mampu menjadi rujukan dan panduan kepada pihak kerajaan serta masyarakat Malaysia pada amnya dan masyarakat Melayu khususnya dalam memahami konsep identiti bangsa mereka sendiri. Selain itu, mereka juga dapat mengenali bangsa Melayu dengan lebih mendalam. Selain itu, kajian ini diharapkan mampu menjadi panduan bagi sesebuah organisasi sama ada kerajaan atau swasta dalam merangka usaha pembangunan negara melalui penganjuran program dan aktiviti yang lebih bersesuaian agar tidak menyentuh



sentiviti bangsa Melayu serta bangsa-bangsa yang lain. Harus diingatkan bahawa kemakmuran dan kerukunan yang telah Malaysia kecapai sehingga hari ini adalah sewajarnya dipertahankan sehingga pada masa hadapan.

Akhirnya, kajian ini diharapkan mampu menyemarakkan rasa cinta dan menimbulkan kesedaran bahawa pentingnya memelihara dan memulihara bidang kesusasteraan Melayu agar tidak ditelan oleh arus modenisasi negara. Penumpuan terhadap dunia sains dan teknologi sedikit sebanyak sebenarnya telah menenggelamkan bidang kesusasteraan Melayu di tanah air. Sebagai sebuah negara yang didominasi oleh bangsa Melayu sebagai kaum majoriti dan keistimewaan yang diberikan terhadap bangsa Melayu sebagaimana termaktubnya di dalam Perlembagaan Malaysia, kita seharusnya mengambil peluang sewajarnya bagi melestarikan sastera Melayu bermula pada masa sekarang agar terus kekal diwarisi sehingga generasi akan datang. Karya-karya sastera Melayu sesungguhnya kaya dengan nilai dan pengajaran, bahasa yang tersusun dan begitu indah menjadi refleksi bagi menggambarkan identiti bangsa Melayu di Malaysia. Tanggapan yang menyatakan bahawa bidang kesusasteraan Melayu tidak mempunyai masa hadapan harus disangkal kerana bidang ini sebenarnya boleh diadunkan bersama bidang yang lain seperti sains dan teknologi, undang-undang, ekonomi serta pengurusan jika masyarakat mampu membuka minda dan menggembleng usaha bagi melakukan anjakan dari kebiasaanya untuk bersama-sama memeriahkan dunia kesusasteraan di tanah air.





1.7 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini membataskan kepada tiga buah novel karya Hamka iaitu *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck (TKVDW)*, *Merantau ke Deli (MKD)* dan *Di Bawah Lindungan Kaabah (DBLK)* yang diterbitkan oleh PTS Publications & Distributors Sdn Bhd pada tahun 2015. Ketiga-tiga novel ini dipilih kerana latar penceritaan yang diketengahkan dan mesej yang cuba disampaikan oleh pengarang sangatlah mendalam serta memberi kesan kepada para pembaca terutamanya pembaca berbangsa Melayu. Penulis juga menggambarkan masyarakat dan individu dalam novel ini mempunyai prinsip dan teguh berpegang kepada pegangan dan adat.

Selain itu, dalam memahami konsep identiti sesebuah bangsa, pemilihan ketiga-tiga novel karya Hamka adalah kerana latar belakang penulis novel ini sendiri yang terkenal sebagai seorang penulis berlatarbelakangkan pendidikan agama yang kuat dan kukuh. Hamka adalah tokoh Nusantara yang sinonim dengan gelaran ulamak dan telah menulis lebih dari 100 buah buku dalam pelbagai bidang. Ini kerana bukan sahaja sifat ulamak yang menjadikan beliau dikagumi tetapi kemampuannya sebagai pemimpin, penulis, pemikir, pujangga dan pejuang bangsa menjadikannya milik masyarakat Nusantara (Kamarul Baharin A. Kasim & Asyaari Muhamad, 2015).

Majoriti masyarakat yang berbangsa Melayu adalah beragama Islam dan teguh menjadikan agama sebagai panduan dalam kehidupan seharian. Sebagaimana di Malaysia, selaku bangsa yang mempunyai bilangan majoriti di negara ini dan agama Islam diisytiharkan sebagai agama rasmi seperti termaktubnya di dalam Perlembagaan Malaysia, novel ini dilihat menjadi pilihan yang amat sesuai. Latar masyarakat yang






diperkenalkan di dalam novel iaitu masyarakat Melayu Islam yang teguh berpegang kepada pendirian agama serta olahan jalan cerita yang menekankan kehidupan masyarakat Melayu secara jujur, Hamka berjaya meletakkan diri beliau begitu dekat dihati peminat dan pembaca novel di Malaysia. Oleh sebab itu, PTS Publications & Distributors Sdn Bhd mengambil inisiatif mencetak novel-novel karya Hamka untuk pasaran dan peminat novel di Malaysia. Pengiktirafan yang diberikan oleh Hamka sebagai *Doctor Honoris Causa* oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1958 membuktikan bahawa jasa Hamka dikenal pasti dan dihargai di Malaysia.

1.8 Kerangka Teoritikal Kajian

Penerapan disiplin pengurusan ditumpukan kepada asas pengurusan iaitu perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan pengawalan dalam memahami pengurusan identiti oleh watak yang diaplikasikan dalam plot penceritaan. Bagi mendokong penelitian dalam aspek pengurusan identiti yang diterapkan oleh watak, teori pengurusan telah diaplikasikan dalam kajian ini bagi mengukuhkan dapatan kajian. 14 Prinsip Pengurusan yang telah diperkenalkan oleh Henry Fayol pada tahun 1916 (Koontz & Wiehrich, 1992) iaitu ‘Bapa Teori Pengurusan Moden’ memainkan peranan sebagai landasan teori dalam kajian ini. Selain itu, untuk memahami dan merumuskan penekanan pengarang terhadap identiti Melayu yang ingin ditonjolkan di dalam ketiga-tiga novel yang dipilih, maka teori sastera janaan Mana Sikana iaitu Teori Teksdealisme (1993-1995) juga telah diaplikasikan sebagai landasan teori bagi melengkapkan penelitian ini yang merupakan penelitian dalam bidang Kesusasteraan Melayu. Kerangka teoritikal kajian ini diringkaskan melalui rajah berikut:





Petunjuk:

TKVDW Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck

MKD Merantau Ke Deli

DBLK Di Bawah Lindungan Ka'bah

Rajah 1.2. Kerangka Teoritikal Kajian Pengurusan Identiti Bangsa dalam Trilogi Karya Hamka

Teori pengurusan yang telah dipilih bagi diaplikasikan dalam kajian ini adalah 14 Prinsip Pengurusan oleh Henry Fayol pada tahun 1916 (Koontz & Wiehrich, 1992). Ini bertujuan bagi memperkembangkan analisis dan dapatan kajian dalam membincangkan pengukuhan elemen-elemen identiti yang telah diaplikasikan dalam pengurusan identiti bangsa Melayu. Henry Fayol melalui penulisan eksekutifnya yang bertajuk *General and Industrial Management* telah banyak dijadikan rujukan dalam hal-hal pengurusan dan pentadbiran.

Pelopor yang berasal dari Perancis ini terkenal apabila beliau mengemukakan 14 prinsip pengurusan yang rata-ratanya telah menjadi panduan dan rujukan dalam aspek urus tadbir. Jadual berikut menyenaraikan 14 prinsip-prinsip yang telah diperkenalkan oleh Henry Fayol:

Jadual 1.1

14 Prinsip Pengurusan Henry Fayol (sumber: Azzat Mohd Nasuridin, Intan Osman dan Zainal Ariffin Ahmad, 2006)

Bil.	Prinsip	Ulasan
1	Pembahagian kerja	Pengkhususan kerja yang membawa kepada kecekapan dalam kerja
2	Autoriti	Hak untuk memberi arahan dan kuasa ketaatan dari pekerja
3	Disiplin	Disiplin diperlukan untuk menjalankan operasi organisasi
4	Uniti perintah	Seorang pekerja patut menerima arahan daripada seorang ketua sahaja
5	Satu arah	Semua aktiviti untuk mencapai objektif yang sama mesti diurus oleh seorang
6	Utamakan kepentingan organisasi	Kepentingan organisasi menjadi prioriti

(bersambung)

Jadual 1.1(sambungan)

Bil	Prinsip	Ulasan
7	Pengupahan	Pemberian ganjaran mesti adil bagi pihak pekerja dan majikan
8	Pemusatan	Objektif pemusatan atau pemencaran ialah untuk penggunaan kebolehan personel yang optimum
9	Rantaian skala	Skala rantaian autoriti (hirarki) dan laluan komunikasi dari atas ke bawah dan juga mendatar.
10	Susunan	Semua bahan dan sumber tersimpan di tempat tertentu begitu juga manusia dalam jawatan yang secocok dengannya.
11	Ekuiti	Pekerja dilayan dengan adil
12	Kestabilan	Pengurangan lantik henti dan pengel (bersambung)
13	perkhidmatan personel	dilakukan
14	Inisiatif	Menggalakkan pekerja mengambil inisiatif
14	Semangat kekitaan	Harmoni dan kerja berpasukan amat tinggi.

Kesemua prinsip-prinsip ini akan diteliti sama ada adakah diterapkan oleh ketiga-tiga watak utama dalam mengukuhkan elemen-elemen identiti bagi masyarakat Minangkabau atau sebaliknya. Hanya prinsip-prinsip dominan yang menyumbang kepada pengukuhan elemen-elemen bagi membentuk identiti masyarakat Minangkabau dalam ketiga-tiga buah novel Hamka akan dibincangkan secara terperinci ketika menganalisis data.

Seterusnya, teori sastera Teksdealisme merupakan sebuah gagasan teori yang diasaskan oleh Prof Madya Dr Abdul Rahman Hanapiah atau lebih dikenali dengan nama penanya sebagai Mana Sikana. Teori ini telah diasaskan oleh beliau pada tahun 1993-1995 (Mana Sikana, 2015). Asas teori ini menekankan agar setiap pengarang atau penulis mempunyai keinginan bagi meletakkan teks karya mereka mencapai tahap keunggulan. Bagi menghasilkan sesebuah idea ataupun karya yang mencapai tahap tersebut, seseorang pengarang haruslah memiliki sifat-sifat seperti berikut iaitu



keberanian dan kebijaksanaan. Keberanian dalam menghasilkan karya atau idea menurut Mana Sikana adalah usaha yang sangat berani oleh penulis untuk mengemukakan kepada pembaca satu idea dan pemikiran yang baru. Ini juga memberikan gambaran bahawa kesediaan penulis itu sendiri untuk melakukan satu perubahan serta inovasi dalam karya mereka.

Bagi kebijaksanaan pula adalah merupakan kebijaksanaan penulis untuk melakukan pekerjaan teks yang dihasilkan dengan penuh kesedaran dan bergerak dalam laluan yang penuh keilmuan. Oleh itu, penulis seharusnya terlebih dahulu memperlengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan yang tinggi. Mereka seharusnya memperbanyakkan pembacaan dan juga kajian dalam pelbagai bidang. Jika tidak, hasil karya yang dihasilkan tidak akan mencapai tahap keunggulan yang sepatutnya dan menjadi karya-karya yang biasa sahaja serta tidak memberi kesan kepada para pembaca. Selain itu, Mana Sikana telah menekankan empat prinsip dalam Teori Teksdealisme bagi memastikan seseorang pengarang atau penulis mencapai tahap keunggulan dalam penghasilan karya mereka. Antara keempat-empat prinsip tersebut adalah kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme.

Bagi menghasilkan sesebuah karya, pengarang seharusnya mempunyai idea yang mana idea tersebut akan memainkan peranan penting selain pengalaman bagi menjadikan karya mereka sebagai sebuah penulisan yang sangat bermakna dan memberi kesan. Secara tidak langsung, hal ini dapat membentuk jati diri bagi seseorang pengarang. Idea yang dimiliki oleh pengarang berkemungkinan mempunyai pelbagai bentuk manakala pengalaman yang mereka juga adalah berkemungkinan daripada





pengalaman yang dialami oleh mereka sendiri, melalui bahan bacaan yang dibaca atau melalui pengamatan yang telah dilakukan berdasarkan peristiwa-peristiwa dan polemik semasa yang terjadi dalam kehidupan seharian sama ada dari segi ekonomi, politik, sosial, agama atau budaya. Apabila karya yang dihasilkan dibaca oleh pembaca, sudah pasti karya yang dihasilkan mampu menimbulkan perasaan ingin tahu dalam kalangan pembaca. Lantaran itu, sudah pasti para pembaca juga akan cuba menyingkap apakah makna tersurat dan tersirat yang ingin disampaikan oleh pengarang melalui hasil karya yang dihasilkan. Mana Sikana (2004) bersetuju bahawa apabila pembaca melakukan sedemikian, mereka sebenarnya telah melakukan pemaknaan sesebuah teks yang dikenali sebagai kehadiran. Prinsip kehadiran mempunyai tiga bahagian yang harus dianalisis iaitu apakah fakta-fakta yang hadir dan dimanakah sumber tersebut hadir, bagaimana fakta itu hadir di dalam karya dan apakah fungsi dan kesan kehadiran tersebut (Mana Sikana, 2015).

Prinsip kedua bagi Teori Teksdealisme adalah Pelanggaran. Prinsip ini mengenengahkan konsep revolusi dalam dunia sastera. Prinsip ini menyatakan bahawa pengarang akan membuat pertimbangan sama ada mengekalkan atau melakukan perubahan bagi karya mereka dalam usaha mencapai keunggulan teks yang dihasilkan. Pelanggaran juga didefinisikan sebagai suatu proses penciptaan dinamik untuk mencari pembaharuan dalam berkarya (Mana Sikana, 2015). Bagi menganalisis prinsip kedua ini, tiga kaedah digunakan iaitu apakah aspek pengekalan atau perubahan yang dilakukan oleh penulis, bagaimanakah prinsip pelanggaran ini dilakukan oleh pengarang dan ketiga adalah apakah fungsi serta kesannya terhadap pelanggaran yang dicipta oleh penulis.





Seterusnya adalah prinsip pengukuhan yang membawa maksud usaha oleh seseorang penulis bagi memamatkan atau mendewasakan hasil karya beliau. Ketika proses menghasilkan sesebuah karya sastera, penulis sudah tentu berusaha bagi memperelokkan hasil karya mereka dari karya yang sebelumnya bagi memastikan teks ataupun karya yang dihasilkan seterusnya adalah sempurna. Penulis akan melihat kelemahan-kelemahan hasil karya yang terdahulu atas dasar kesedaran dan kebertanggungjawabannya sebagai seorang penulis bagi menghasilkan sesebuah karya yang unggul. Kesalahan atau kelemahan sama yang sudah berlaku akan sedaya upaya dielakkan agar tidak berulang dalam penghasilan teks yang seterusnya. Mana Sikana (2015) berpendapat bahawa sesebuah teks yang dihasilkan seharusnya memiliki sifat-sifat nasional dan internasional, dalam erti kata menempatkan karya mereka yang terkemuka di peringkat kebangsaan dan mempunyai kedudukan di peringkat antarabangsa.

Prinsip yang terakhir adalah prinsip individualisme ataupun keperibadian yang merupakan kemuncak bagi tiga prinsip yang sebelumnya. Prinsip ini menegaskan bahawa seseorang penulis seharusnya memperlihatkan siapakah diri mereka dengan mempertontonkan kepada khalayak akan keperibadian mereka. Keperibadian inilah yang akan mencerminkan identiti penulis terbabit. Terdapat aspek yang digunakan untuk menilai keperibadian penulis dalam prinsip ini iaitu melalui sudut stail individu (aspek bahasa yang digunakan oleh penulis), rekapipta individu (teknik, metod dan mekanisme penciptaan pengarang), kedirian individu (watak pengarang) dan tindakan individu (cara bagaimana seseorang pengarang itu melakukan tindakan-tindakan dalam penulisannya untuk mengubah pandangan atau pendirian pembaca). Perbincangan





secara terperinci mengenai Teori Teksdealisme akan dibincangkan di dalam bab tiga (metodologi kajian).

1.9 Definisi Operasional

Beberapa perkataan yang merupakan kata kunci utama menjadi perbincangan dalam kajian ini akan dijelaskan dan diterangkan mengikut sudut kajian yang dijalankan agar lebih jelas dan mudah difahami. Antara konsep-konsep utama dalam kajian ini adalah:

1.9.1 Pengurusan

Menurut Rahim Abdullah (1994), pengurusan adalah aktiviti yang melibatkan usaha merancang, mengorganisasi, memimpin, dan mengawal penglibatan anggota yang berada di dalam organisasi untuk sama-sama berusaha kearah mencapai matlamat yang satu. Beliau bersetuju mengatakan bahawa bidang pengurusan adalah sangat meluas kerana pengasasnya yang datang dan mempunyai ilmu dari pelbagai bidang. Sebagai contohnya, seorang pengurus di bahagian kewangan sudah tentu mempunyai kepakaran dan kelulusan dalam bidang kewangan seperti kewangan islamik atau kewangan konvensional.

Bagi Chandri Singh dan Aditi Khatri (2016) pula menyatakan bahawa pengurusan boleh dilihat dari perspektif yang berbeza dan memegang pelbagai ciri-ciri dan sifat. Antaranya ialah dari sudut pengurusan sebagai satu proses, pengurusan adalah satu aktiviti, pengurusan sebagai satu seni dan sains, pengurusan sebagai kumpulan,





pengurusan sebagai satu disiplin, pengurusan sebagai satu sumber, pengurusan mengarah ke arah matlamat organisasi dan pengurusan adalah proses sejagat.

Menurut Shanthi Subramaniam dan Mah B.K. (2016) telah mendefinisikan pengurusan sebagai proses menentukan dan mencapai matlamat melalui pelaksanaan beberapa fungsi pengurusan iaitu perancangan, pengorganisasian, kepimpinan serta kawalan dengan menggunakan sumber manusia, kewangan, bahan dan peralatan secara cekap dan berkesan. Keempat-empat proses di atas amat penting dan terlibat secara langsung dalam mencapai matlamat organisasi.

Pandangan oleh Robbins dan Decenzo (2001) pula menjelaskan bahawa bidang pengurusan adalah merupakan suatu proses yang menyempurnakan sesuatu tugas dengan cekap dan berkesan melalui individu yang lain. Tidak terkecuali juga bagi Dessler (2001) yang mengutarakan bahawa konsep pengurusan adalah melibatkan dua dimensi yakni dimensi pertama ialah menggambarkan pengurus dalam organisasi dan dimensi kedua pula adalah melihat apakah tindakan yang dilakukan oleh pengurus.

Bagi pelopor dalam bidang pengurusan seperti Mary Parker Follet pula menjelaskan bahawa pengurusan adalah merupakan seni dalam melakukan perkara-perkara tertentu melalui individu-individu yang lain (Mohd Hizam Hahafiah dan Zafir Mohd Makhbul, 2003). Beliau sebenarnya telah bersependapat bersama Robbins dan Decenzo (2001) dalam menjelaskan konsep pengurusan kepada umum. Pengurus selaku ketua akan berusaha memenuhi matlamat-matlamat yang ditetapkan oleh organisasi dengan menguruskan individu-individu yang lain bagi melakukan tindakan yang sewajarnya untuk mencapai matlamat tersebut tanpa mereka sendiri





melakukannya.

Seterusnya, pandangan Juhary Ali dan Ishak Ismail (2004) menyatakan bahawa pengurusan adalah proses yang meliputi perancangan, penyusunan, pengarahan dan kawalan. Ketika proses perancangan dilakukan, beberapa perkara yang dititikberatkan adalah penetapan matlamat dan objektif, pembentukan strategi serta dasar. Penyusunan pula melibatkan aktiviti-aktiviti merangka hirarki pengurusan dan fungsi-fungsinya, penyelarasan peraturan, dasar atau tatacara yang ditetapkan dan pengurusan kakitangan. Proses pengarahan pula adalah melibatkan penerapan elemen kepimpinan dan motivasi pekerja yang terlibat bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan organisasi manakala peringkat akhir iaitu pengawalan pula memerlukan pihak pengurusan mengawasi ketiga-tiga proses peringkat awal dan mengambil tindakan yang sewajarnya dalam mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Seterusnya, Henry Fayol (1988) pula telah menyenaraikan beberapa proses pengurusan untuk mencapai matlamat. Antaranya adalah sesebuah organisasi perlu menetapkan matlamat yang ingin dicapai sebelum mereka melakukan sesuatu perancangan. Ini kemudiannya diikuti dengan pengendalian terhadap sebarang perancangan yang telah ditetapkan, pengarahan dan pembahagian tugas kepada kesemua ahli organisasi. Selepas proses pengagihan, pemantauan dan kawalan haruslah dilakukan untuk memastikan kesemua pergerakan organisasi berjalan lancar serta mengikut arah tuju yang ditetapkan. Keseluruhan proses pengurusan ini haruslah dilakukan supaya kitaran pengurusan akan menjadi lebih berkesan dan seterusnya mampu menyumbang kejayaan kepada sesebuah organisasi.





Di samping itu, Armstrong (1999) juga menghuraikan pengurusan sebagai sebuah proses yang mempunyai empat langkah untuk diikuti agar matlamat yang ditetapkan dapat dilakukan dengan sebaik mungkin melalui penggunaan sumber-sumber yang berkesan. Empat proses yang terlibat adalah perancangan (pemutusan tindakan yang diperlukan untuk memastikan matlamat dicapai), pengorganisasian (penyediaan keperluan serta sumber manusia untuk mengendalikan perancangan), pemotivasian (memotivasikan sumber manusia agar bekerjasama dengan sebaiknya dan memastikan mereka menjadi sebahagian daripada ahli organisasi) dan pengawalan (mengukur dan melakukan pemantauan operasi yang dilakukan).

Selain itu, Mohd Hizam Hahafiah dan Zafir Mohd Makhbul (2003) menjelaskan pengurusan secara kompleks dan lebih menyeluruh yang mana pengurusan adalah proses merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal daya usaha anggota-anggota organisasi dan menggunakan sumber-sumber organisasi dengan cekap serta berkesan bagi mencapai matlamat organisasi yang ditetapkan.

Terakhirnya adalah menurut Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013) mendefinisikan pengurusan sebagai satu medium dan mekanisme yang dinilai dari perspektif kemampuan dan keupayaan pemimpin untuk mempengaruhi, menerajui atau mengendalikan sesebuah organisasi kekeluargaan, kemasyarakatan dan negara. Justeru itu bagi memastikan hasrat ini tercapai, anggota organisasi perlulah melibatkan diri mereka dengan sebarang kerjasama melalui komunikasi dan interaksi yang berkesan untuk mencapai matlamat mereka.



Keseluruhan definisi pengurusan menggambarkan bahawa pengurusan adalah sebenarnya bertujuan membentuk dan membina sesebuah organisasi bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Kepentingan terhadap kesedaran dan menghargai pengurusan membolehkan organisasi berkembang dan membina daya tahan bagi memacu matlamat diarus globalisasi masa kini. Bagi kajian ini, organisasi yang dirujuk adalah merupakan organisasi masyarakat yang melatari ketiga-tiga buah novel yang akan dikaji iaitu *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck (TKVDW)*, *Merantau Ke Deli (MKD)* dan *Di Bawah Lindungan Ka'bah (DBLK)*.

1.9.2 Identiti

Identiti pada asalnya merupakan perkataan berasal dari perkataan Perancis iaitu 'identite' manakala dari Latin pula ianya dikenali sebagai 'essentics' yang bermaksud keadaan atau sifat. Bagi *identidem* pula membawa maksud sesuatu yang berulang kali ataupun konsisten dan tidak mudah berubah.

Bagi Erik Erickson yang di petik dari Kroger (2007) telah menyatakan identiti sebagaimana berikut:

....as involving a subjective feeling of self-sameness and continuity over time. In different places and different social situations, one still has a sense of being the same person. In addition, others recognize this continuity of character, and respond accordingly to the person 'they know'. Thus, identity for the holder as well as the beholder ensures a reasonably predictable sense of continuity and social

order across multiple contexts.

Tambah beliau lagi, identiti juga membicarakan tentang proses sedar dan separa sedar sebagai sebuah deria kesedaran bagi identiti seseorang individu dan juga separa sedar bagi mempertahankan kesinambungan karakter keperibadian.

Menurut Kamus Dewan Bahasa (1994) menyatakan identiti adalah aspek-aspek tertentu seperti tingkah laku, cara berpakaian dan sebagainya yang mana dapat menunjukkan sifat diri seseorang. Contoh yang dapat diambil adalah identiti sesebuah negara diterjemahkan melalui beberapa aspek iaitu budaya, adat resam dan juga muzik-muzik tradisional warisan turun-temurun bagi sesuatu bangsa. Walau bagaimanapun, harus diakui bahawa arus modenisasi semasa yang dialami oleh sesebuah masyarakat itu telah membuatkan identiti tersebut dilupai dan berubah.

Bagi Nurul Izzah Sidek (2011) pula menyatakan bahawa identiti dikaitkan dengan asas-asas fitrah yang sedia ada bagi sesuatu bangsa. Asas ini menggambarkan tentang budaya gaya hidup, pemikiran dan juga sistem nilai yang dipegang oleh sesuatu bangsa ataupun dengan lebih mudah untuk difahami, identiti merupakan tiruan ataupun cerminan kepada masyarakat terbabit.

Menurut Morris (2005) mentakrifkan identiti adalah gabungan dari dua tanggapan metafizikal iaitu antara individu dan negeri yang mana ianya adalah identiti peribadi dan identiti kebangsaan. Beliau menegaskan seseorang individu itu harus menjadi



seseorang yang berpersonaliti dan membina satu identiti dari sumber budaya yang mereka miliki.

Berikutnya, menurut Abdul Rahman Embong (1999) menyatakan bahawa identiti merupakan sesuatu bersifat individu yang melibatkan cara bagaimana seseorang individu cuba memahami dunia di sekitar mereka. Ianya juga adalah berkaitan dengan identiti kolektif yang membentuk identiti masyarakat kerana hidup bermasyarakat merupakan ciri-ciri utama kewujudan manusia. Identiti yang dipertontonkan ini juga akan diterima bagi menjadi identiti individu atau identiti masyarakat setelah diamalkan oleh individu atau masyarakat tersebut apabila ianya berubah menjadi identiti takrifan harian berdasarkan pengalaman dalam kehidupan seharian individu tersebut sebagai pelaku sosial. Selain itu juga, Abdul Rahman turut berpendapat bahawa identiti berinteraksi dan berkait rapat dengan pelbagai sumber iaitu sejarah, agama, geografi sosial, memori kolektif, alam sekitar, khayalan peribadi dan sebagainya yang mana mempunyai pengaruh terhadap perilaku dan aktiviti manusia.

Selain itu, Manuel (1997) pula membicarakan identiti sebagai maksud simbolik berdasarkan tujuan seseorang sama ada oleh pelaku ataupun daripada orang lain. Sesungguhnya, identiti yang terbentuk oleh seseorang individu mempunyai sebab dan tujuannya yang tersendiri. Sebab dan tujuan ini boleh berpunca daripada beberapa faktor antaranya adalah nilai sejarah, geografi, biologi, peranan yang digalas oleh institusi terbabit, pengalaman-pengalaman yang telah dilalui, harapan, ideologi serta kepercayaan dalam agama. Kesemua punca-punca terbabit kemudiannya disesuaikan dengan keperluan, maksud dan keadaan masyarakat serta suasana semasa keadaan persekitaran.





Menurut Muhamad Nadhir Abdul Nasir dan Rosila Bee Mohd Hussain (2014), identiti adalah merupakan satu perasaan yang wujud dalam diri seseorang individu bagi mempunyai persamaan dengan kumpulan individu tertentu serta pada masa yang sama juga mereka ingin mempunyai perbezaan dengan individu yang lain dan juga tingkah laku individu daripada bangsa yang lain. Ini telah menjelaskan bahawa mereka sebenarnya ingin memiliki karakteristik yang sama di antara kelompok sosial mereka dan ingin berbeza dengan kelompok yang lain. Karakteristik ini merujuk kepada instrumen sosial yang diguna pakai oleh masyarakat di sekeliling mereka. Antara ciri-ciri karakteristik tersebut ialah ciri-ciri fizikal (*physical attributes*) yang boleh dilihat dan juga diukur dengan jelas.

Bagi Giddens (2008) mentakrifkan identiti sebagai karakteristik atau sifat-sifat yang tersendiri yang membentuk karakter, keperibadian atau watak untuk seseorang individu dan kumpulan. Manakala bagi Castell (2004) yang dipetik dari Giddens (2008) pula menyatakan bahawa identiti adalah himpunan makna dan juga pengalaman yang menjelaskan tentang siapakah individu atau kumpulan tersebut. Makna dan pengalaman dibina melalui beberapa elemen-elemen identiti seperti agama, bahasa, nama, dan budaya. Fungsi pengalaman dan makna adalah bagi membezakan seseorang individu dengan individu yang lain. Ini juga mampu memperlihatkan kewujudan diri mereka serta orang lain.

Seterusnya bagi Yaacob Harun (2012) pula, identiti merupakan satu konsep yang rumit dan tidak begitu jelas namun kerap digunakan dalam bidang politik, ekonomi, budaya dan lain-lain. Identiti pada asasnya terbahagi kepada dua iaitu identiti sosial yakni merujuk kepada satu kategori manusia atau kelompok sosial yang mempunyai





sifat- sifat serta peraturan keanggotaan yang khusus manakala bagi asas peribadi pula merujuk kepada perasaan yang wujud dalam diri seseorang sebagai anggota sesuatu kategori atau kelompok sosial. Bagi kajian ini, ianya akan menyentuh kedua-dua aspek identiti yang terdapat dalam ketiga-tiga novel karya Hamka yang telah dipilih.

Pembentukan identiti sesebuah organisasi ataupun kelompok masyarakat yang mendiami sesebuah kawasan ataupun negara, mereka dipengaruhi oleh beberapa faktor contohnya keadaan persekitaran yang mereka diami, didikan yang diterima sama ada secara rasmi atau tidak rasmi, budaya serta adat resam yang diamalkan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak berkuasa atau kerajaan. Pada masa kini, generasi Y terutamanya membina identiti mereka melalui apa yang dilihat ataupun dipelajari dalam kehidupan seharian. Mereka juga mudah untuk menerima pengaruh melalui bahan bacaan yang menjadi santapan minda mereka dalam kehidupan seharian seperti novel, cerpen, komik iaitu melalui watak dan perwatakan yang diketengahkan oleh pengarang.

Menyetujui definisi-definisi yang telah dibincangkan, dapat disimpulkan bahawa persamaan konsep identiti yang cuba dijelaskan oleh mereka yang utamanya adalah budaya dan seterusnya merangkumi imej, bahasa dan juga agama. Keempat-empat elemen ini dilihat sebagai asas dominan yang dapat membentuk identiti terutamanya identiti bangsa Melayu. Justeru itu, kajian ini bakal meneliti pembinaan identiti melalui keempat-empat aspek tersebut kerana dilihat mampu mempengaruhi pembinaan identiti seseorang individu dan dalam masa yang sama juga membawa kepada pembinaan identiti sesebuah bangsa.





1.9.3 Bangsa

Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat, bangsa bermaksud jenis manusia yang berasal daripada satu asal keturunan. Bangsa juga merujuk kepada kumpulan manusia yang berada dalam satu ikatan yang memiliki ketatanegaraan. Manakala bagi Wan Ahmad Fauzi Wan Husain (2019) menyatakan bahawa daripada sudut undang-undang antarabangsa pula menyatakan bangsa merupakan rakyat sebuah negara yang diidentitikan dalam kerangka takrifan negara.

Menurut Mertzger (2009), konsep bangsa di Eropah membawa erti satu kumpulan rakyat yang memiliki ciri-ciri tersendiri, yang kadang-kadang mengandungi lebih daripada satu kumpulan rakyat tertentu. Walau bagaimanapun, hal ini menimbulkan sedikit kerumitan apabila terdapat kumpulan- kumpulan kecil rakyat di negara tersebut yang tidak mahu meletakkan bangsa mereka di bawah bangsa yang mempunyai kumpulan yang besar. Contohnya apabila orang-orang Scotland di Britain tidak mahu berada di bawah kuasa London dan mereka mahu membina kehidupan di bawah satu kerangka yang lebih kecil serta lebih peribadi.

Bagi Renan yang dipetik dari Reicher & Hopkins (2001) pula menyatakan bahawa bangsa adalah:

....perpaduan skala yang besar, dibentuk oleh perasaan pengorbanan yang telah dibuat pada masa lalu dan apa yang telah disediakan untuk masa depan. Ia mengandaikan masa lampau; ia dirumuskan, bagaimanapun, pada masa kini



oleh fakta yang tidak dapat dielakkan, iaitu persetujuan, hasrat yang jelas menyatakan untuk meneruskan kehidupan bersama.

(Renan yang dipetik dari Reicher & Hopkins (2001): 13)

Bangsa yang dibina mengikut Renan telah melalui fasa yang mencabar dan perpaduan telah menjadi asas kepada pembentukan mereka. Pengekalan terhadap semangat perpaduan akan menjadi panduan kepada mereka untuk kekal menjalani kehidupan dalam kebersamaan untuk jangka masa yang panjang.

Selain itu, Smith (1998) menyatakan bahawa bangsa adalah sebagai konstruksi sosial ataupun lebih dikenali sebagai '*an artifact of cultural engineers*'. Mereka mengubah tradisi yang lama menjadi tradisi yang baru sebagai salah satu usaha untuk mereka menyesuaikan diri. Bangsa juga adalah suatu konstruksi moden yang dibentuk oleh golongan elit politik serta pemodal dengan membentuk suatu sistem kawalan dalam mentadbir urus masyarakat yang semakin kompleks. Persamaan yang dikongsi menjadikan pembentukan bangsa adalah satu hal yang amat mustahak termasuk sifat *homogenous* masyarakat yang berkongsi agama, budaya, nilai dan geografi.

Berikutnya, Ruslan Zainuddin, Mohd Mahadee Ismail dan Zaini Othman (2010) memberikan takrifan bahawa bangsa adalah merujuk kepada kesatuan manusia yang hidup bersama dalam sesebuah negara. Penggunaan istilah ini kebiasaannya merujuk kepada kewujudan sekumpulan manusia yang berkongsi ciri-ciri yang sama. Mereka juga terikat di antara satu sama lain berasaskan identiti yang sama sebagai satu kumpulan atau masyarakat. Mereka selalunya mempunyai objektif kumpulan yang



dikongsi sebagai contoh hak milik wilayah yang leluhur, agama, bahasa dan budaya dengan harapan bagi membina pemerintahan mereka sendiri (Ruslan Zainuddin, Mohd Mahadee Ismail & Zaini Othman, 2010).

1.10 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini memberikan gambaran tentang kajian yang bakal dijalankan dengan menjadikan pengurusan sebagai satu landasan disiplin bagi menerokai identiti bangsa Melayu dalam karya Hamka iaitu *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (TKVDW), *Merantau Ke Deli* (MKD) dan *Di Bawah Lindungan Ka'bah* (DBLK). Perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan kawalan adalah merupakan prinsip asas pengurusan yang dilihat mampu menjadikan identiti bangsa Melayu diperkukuhkan. Karya-karya Kesusasteraan Melayu banyak menonjolkan identiti bangsa Melayu yang dapat dikesan oleh pembaca banyak mempertontonkan ciri-ciri yang dimiliki oleh bangsa Melayu mengikut latar masyarakat yang cuba ditonjolkan oleh pengarang di dalam jalan penceritaan. Pengurusan yang baik membolehkan identiti tersebut dibina dengan kukuh serta melahirkan sebuah bangsa yang mampu berdaya saing dan maju.

Penelitian yang akan dilakukan terhadap ketiga-tiga novel ini melihat kepada empat elemen utama yang dilihat memainkan peranan penting dalam proses pembinaan identiti yang unggul iaitu budaya, imej, bahasa dan agama. Keempat-empat ini dilihat menyumbang kepada pengukuhan identiti yang lebih utuh bagi bangsa Melayu. Sebagaimana yang telah digambarkan oleh pengarang di dalam karya-karya yang





dihasilkan, watak-watak yang dibina adalah merupakan pelaku atau pengurus yang memainkan peranan dalam meletakkan keempat-empat elemen ini menjadi semakin kukuh atau sebaliknya. Peranan pengarang untuk menerjemahkan mesej yang ingin disampaikan melalui plot penceritaan mampu memberikan kesan dalam hati pembaca telah mendorong mereka menghasilkan karya yang bermutu untuk dijadikan iktibar oleh masyarakat bagi membentuk dan memperkukuhkan jati diri.

